



KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

ISU PENARIKAN BALIK PRODUK “SPRING BAY AUSTRALIAN MUSSELS” KELUARAN *SPRING BAY SEAFOODS PTY LTD* DI AUSTRALIA

Kementerian Kesihatan mengambil maklum laporan daripada pihak *Food Standard Australia New Zealand* (FSANZ) pada 21 Mac 2016 mengenai syarikat *Spring Bay Seafoods Pty Ltd* yang telah menarik balik produk “Spring Bay Australian Mussels” daripada pasaran tempatan Australia kerana didapati tercemar dengan sejenis biotoksin dikenali sebagai “Diarrhetic Shellfish Toxins” (DST).

Berdasarkan maklumat daripada *Food Safety Information System of Malaysia* (FoSIM), **tiada pengimportan** bagi produk daripada syarikat terlibat ke negara ini. Perkara ini turut disahkan oleh pejabat Pesuruhjaya Tinggi Australia di Kuala Lumpur.

Di bawah Seksyen 13, Akta Makanan 1983, makanan yang telah tercemar atau mengandungi bahan berbahaya yang memudaratkan kesihatan tidak dibenar dijual kepada orang ramai.

Kementerian Kesihatan sentiasa peka dan prihatin terhadap perkara-perkara yang boleh mengancam kesihatan pengguna. Sekiranya pengguna mempunyai sebarang kemusykilan berhubung sebarang isu keselamatan makanan, sila hubungi Pejabat Kesihatan Daerah atau Jabatan Kesihatan Negeri terdekat atau melalui laman sesawang <http://moh.spab.gov.my> atau *facebook* Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKKM) www.facebook.com/bkkmhq.

Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia
24 Mac 2016